

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL  
[ LEMBAH PANTAI ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk meneruskan pilihan raya kerajaan tempatan, dan jika tidak, apakah sebab-sebab ia tidak diteruskan.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah memutuskan untuk tidak melaksanakan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan yang merupakan Manifesto Kerajaan Pakatan Harapan. Walau bagaimanapun, agenda pemerkasaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan diteruskan melalui pindaan Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171] berkaitan seksyen penguatkuasaan PBT, pemerkasaan Ahli Majlis PBT dan cadangan semakan semula seksyen berkaitan kadar dan nilai PBT. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan mengadakan sesi libat urus dengan semua pemegang taruh dalam usaha untuk memperkasakan penyampaian perkhidmatan di PBT.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2020**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED  
FADZIL  
[LEMBAH PANTAI]**

**SOALAN NO. 35**

**TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL [ LEMBAH PANTAI ]**  
minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan setakat 31 Oktober  
2020 :-

- (a) jumlah pekerja yang kehilangan pekerjaan mengikut sektor ;  
dan
- (b) jumlah pekerja yang kehilangan pekerjaan mengikut negeri.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. U Berdasarkan data dari Sistem Insurans Pekerjaan (SIP), kes kehilangan pekerjaan sehingga 20 November 2020 adalah sebanyak **97,821** pekerja dan pecahan kes kehilangan pekerjaan mengikut sektor adalah seperti berikut;

- a) Sektor perkilangan mencatatkan angka terbesar, iaitu seramai **21,978** orang pekerja;
- b) Sektor penginapan dan F&B, **13,614** orang pekerja;
- c) Sektor pemborong dan peruncitan, **13,468** orang pekerja;
- d) Sektor profesional dan teknikal, **9,413** orang pekerja;
- e) Sektor pentadbiran dan khidmat sokongan mencatatkan **7,590** orang pekerja;
- f) Pembinaan, **6,999** orang pekerja;
- g) ICT, **5,227** orang pekerja;
- h) Pengangkutan, **5,854** orang pekerja;
- i) Kewangan dan takaful insurans, **2,520** orang pekerja;
- j) Hartanah mencatatkan **2,557** orang pekerja;
- k) Pendidikan mencatatkan **2,010** orang pekerja;
- l) Seni, hiburan dan rekreasi, **1,217** orang pekerja;
- m) Perlombongan dan penggalian, **1,466** orang pekerja;
- n) Pertanian, perhutanan dan perikanan, **799** orang pekerja;
- o) Kesihatan dan kerja sosial mencatatkan **696** orang pekerja;

**SOALAN NO: 35**

- p) Bekalan elektrik, gas, wap dan penyaman udara mencatatkan **496** orang pekerja;
- q) Air, pembentungan dan sisa, **417** orang pekerja;
- r) Keselamatan sosial mencatatkan **116** orang pekerja;
- s) Aktiviti luar wilayah mencatatkan **33** orang pekerja;
- t) Aktiviti isi rumah mencatatkan **10** orang pekerja; dan
- u) Perkhidmatan lain **1,341** orang pekerja.

2. Pecahan kes kehilangan kerja berdasarkan negeri adalah seperti berikut:

- a) **30,695** kes kehilangan pekerjaan di Selangor;
- b) **25,384** kes kehilangan pekerjaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur;
- c) **9,891** kes kehilangan pekerjaan di Pulau Pinang;
- d) **8,084** kes kehilangan pekerjaan di Johor;
- e) **4,444** kes kehilangan pekerjaan di Kedah;
- f) **3,878** kes kehilangan pekerjaan di Sabah;
- g) **2,942** kes kehilangan pekerjaan di Sarawak;
- h) **3,220** kes kehilangan pekerjaan di Perak;
- i) **2,243** kes kehilangan pekerjaan di Pahang;
- j) **1,908** kes kehilangan pekerjaan di Melaka;
- k) **986** kes kehilangan pekerjaan di Terengganu;
- l) **1,077** kes kehilangan pekerjaan di Negeri Sembilan;
- m) **509** kes kehilangan pekerjaan di Kelantan;

**SOALAN NO: 35**

- n) **382** kes kehilangan pekerjaan di Perlis;
- o) **224** kes kehilangan pekerjaan di Wilayah Persekutuan Labuan; dan
- p) **128** kes kehilangan pekerjaan di Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI AHMAD FAIZAL BIN  
DATO' AZUMU [ TAMBUN ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah terdapat keperluan untuk menambah baik sukatan pelajaran bagi generasi akan datang dalam usaha mempersiapkan pelajar muda kita dengan lebih baik untuk menghadapi masa hadapan yang berteraskan teknologi.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dari semasa ke semasa melaksanakan analisis keperluan dalam proses semakan kurikulum selari dengan perkembangan dan keperluan global bagi melengkapkan murid dengan pengetahuan dan kemahiran terutama dalam mendepani Revolusi Industri 4.0.

Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) telah mengambil kira keperluan revolusi Industri 4.0 dengan mengukuhkan kurikulum berteraskan teknologi iaitu mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) dan Asas Sains Komputer yang merupakan mata pelajaran baharu di peringkat sekolah rendah (Tahap 2) dan menengah rendah (Tingkatan 1-3).

Manakala di peringkat menengah atas (Tingkatan 4-5) mata pelajaran Sains Komputer merupakan kesinambungan kepada Asas Sains Komputer dan Reka Cipta sebagai pengukuhan kepada mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi. Murid yang mengikuti kurikulum ini akan dapat memilih bidang berasaskan teknologi dalam laluan pendidikan atau kerjaya.

Di dalam Rolling Plan 1 (RP1) RMK-12, KPM telah merintis cadangan untuk menaiktaraf bilik darjah untuk dijadikan bengkel RBT bagi sekolah rendah yang tidak mempunyai kemudahan bengkel RBT. Setiap bengkel RBT akan dibekalkan dengan kemudahan perabot dan peranti seperti komputer, set mikro-pengawal, set robotik dan pencetak 3D. Melalui usaha ini, murid di 2,787 buah sekolah rendah yang terlibat akan dapat menikmati pengalaman pembelajaran mata pelajaran ini dengan lebih kondusif dan berkesan. Pada masa yang sama, KPM juga akan memastikan keperluan komputer yang mencukupi bagi meningkatkan bilangan sekolah yang menawarkan mata pelajaran Asas Sains Komputer, Sains Komputer dan Reka Cipta di peringkat sekolah menengah agar lebih banyak murid mendapat peluang untuk mempelajari mata pelajaran ini.

Sehubungan dengan itu, sebagai langkah menyediakan tenaga kerja berkemahiran bagi keperluan industri 4.0 dan industri digital negara, KPM juga sentiasa berusaha untuk memperkasakan program TVET. Antara usaha yang dilaksanakan adalah:

- a) Membangunkan kurikulum dan latihan TVET dengan menerapkan elemen teknologi terkini yang dapat memenuhi keperluan Revolusi Industri (RI) 4.0 selari dengan keperluan industri. Kurikulum yang digunakan di Kolej Vokasional dan sekolah – sekolah yang menawarkan program TVET adalah memenuhi Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (*National Occupational Skills Standard - NOSS*) dan Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency – MQA*) dan bersifat dinamik. Ini bagi memastikan lepasan TVET daripada KPM sentiasa relevan dan bersesuaian dengan keperluan industri secara *plug and play*. Kolej Vokasional TVET menawarkan 2 program dalam bidang Teknologi Maklumat iaitu;

Teknologi Sistem Pengurusan Pangkalan Data & Aplikasi Web dan Teknologi Sistem Komputer & Rangkaian yang dapat menyumbang kepada melahirkan belia yang berkemahiran digital.

- b) Melaksanakan penambahbaikan kualiti program dengan mempergiatkan kerjasama KPM bersama-sama penglibatan pihak industri serta tenaga pakar dalam membangunkan kurikulum TVET berasaskan keperluan industri (*industry-based curriculum*). Antaranya, kerjasama KPM dengan IBM dan MDEC dalam Program *Pathways in Technology Early College High Schools* (P-Tech IBM) yang dilaksanakan secara rintis pada tahun 2020. Usaha ini adalah untuk memberi latihan, kemahiran dan pengetahuan kepada murid dalam melahirkan tenaga kerja sebagai *Cloud Engineer* dan *Information Security Specialist* .

Sekian



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI AHMAD FAIZAL BIN  
DATO' AZUMU [ TAMBUN ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pendidikan jarak jauh memerlukan pelajar untuk memiliki komputer ataupun telefon pintar beserta kemudahan internet di rumah masing-masing. Apakah usaha Kementerian untuk membantu pelajar-pelajar khususnya B40 yang masih menghadapi masalah untuk memiliki kemudahan-kemudahan tersebut.

**JAWAPAN**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,**

Dalam usaha untuk memastikan murid mendapat pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diperlukan untuk kelangsungan pembelajaran, KPM telah melaksanakan penjajaran kurikulum untuk semua mata pelajaran berdasarkan kurikulum sedia ada kecuali untuk murid tingkatan lima. Penjajaran ini melibatkan penyusunan semula kandungan, pedagogi dan pentaksiran berdasarkan hasil pembelajaran yang dihasratkan.

Melalui penjajaran kurikulum ini, guru boleh merancang pengajaran dan pembelajaran dengan melaksanakan kaedah pembelajaran teradun (*blended learning*). Pembelajaran teradun melibatkan gabungan teknik pengajaran bersemuka di dalam bilik darjah atau pembelajaran di rumah yang dirancang secara berstruktur. KPM turut memberi bimbingan pelaksanaan kurikulum yang telah diajarkan dalam tempoh persekolahan

yang berbaki bagi tahun 2020 termasuk kunjung bantu dan penerangan secara dalam talian.

KPM juga telah menyediakan Manual Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) sebagai panduan kepada guru dalam melaksanakan PdPR secara berstruktur dan terancang supaya murid dapat mengikuti pembelajaran di rumah secara optimum. Manual PdPR ini meliputi pendekatan secara dalam talian (*online*), luar talian (*offline*) dan *off-site* sama ada menggunakan modul pembelajaran atau pembelajaran berasaskan projek.

KPM juga sentiasa berusaha untuk memastikan semua murid mendapat akses pembelajaran. Bagi membantu murid yang tidak mempunyai akses internet atau peranti yang sesuai, guru mengambil inisiatif melaksanakan PdP melalui serahan bahan pembelajaran kepada murid mengikut kesesuaian. Murid juga boleh menggunakan buku teks cetak sebagai bahan rujukan, penyediaan nota, membuat rumusan atau melukis sesuatu konsep. Manakala buku aktiviti pula boleh digunakan untuk membuat latihan ulangkaji. Guru mentaksir murid secara berterusan mengikut kesesuaian dan melaksanakan intervensi mengikut tahap dan keupayaan murid.

Selain daripada itu, PdP turut dilaksanakan melalui siaran TV Pendidikan. KPM telah memperkenalkan semula TV Pendidikan secara terrestrial bermula pada 6 April 2020. Inisiatif ini adalah untuk membantu murid yang tidak mendapat akses kepada internet atau tidak mempunyai peranti untuk mengikuti pembelajaran di rumah. Bermula dengan siaran selama dua (2) jam di TV Okey RTM, siaran ditambah di Tutor TV Astro selama empat (4) jam. Terkini, KPM telah memulakan siaran TV Pendidikan selama tiga (3) jam di saluran NTV7 pada 23 November 2020. Ini menjadikan keseluruhan siaran TV Pendidikan berjumlah sembilan (9) jam sehari.

Ahli Yang Berhormat, KPM sedang merangka strategi pelaksanaan yang komprehensif dalam memperkasa pendidikan digital negara. Antara tumpuan utama ialah meningkatkan akses internet dan pemilikan peranti oleh murid sekolah di seluruh negara. Perkara ini adalah antara butiran

**NO. SOALAN : 37**

yang dinyatakan dalam Belanjawan 2021 yang telah dibentangkan pada 6 November 2020.

Sekian.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA,  
PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DATO' SERI AHMAD FAIZAL BIN DATO' AZUMU  
[TAMBUN]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk membantu usahawan mikro yang tidak berlesen tetapi terjejas akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian mengambil maklum penularan wabak COVID-19 ini telah menjejaskan perniagaan usahawan-usahawan mikro dan sektor informal khususnya penjaja dan peniaga kecil. Justeru itu, kementerian sedang merangka beberapa langkah dan perancangan untuk membantu usahawan mikro yang tidak berlesen atau berdaftar kepada mana-mana agensi-agensi kerajaan. Antara usahawan mikro yang dimaksudkan adalah Usahawan Perniagaan di Tempat Kediaman atau "*Home Based Entrepreneurs*" dan penjaja-penjaja di tepi jalan.

2. Kementerian akan merangka kerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk mewujudkan satu garis panduan pelesenan sementara atau kekal kepada mereka yang beroperasi dan berniaga di rumah dan di kawasan-kawasan tertentu.

## NO. SOALAN : 38

3. Selain daripada itu, Kementerian turut menyediakan program-program pembiayaan dan pembangunan kapasiti melalui Agensi-agensi di bawah Kementerian bagi memantapkan dan memperkukuhkan perniagaan mereka. Antara program-program yang dilaksanakan di bawah Kementerian adalah:

### **Tekun Nasional**

- i. COVID *Business Recovery – Micro* (CBRM)
- ii. TEKUN *Business Recovery Scheme* (TBRS)

### **SME Corp.**

- i. Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE)
- ii. Program *Micro Connector*

### **Bank Rakyat**

- i. Program BRCares

4. Selain itu, Kementerian juga merancang untuk melaksanakan Program Transformasi kepada penjaja dan peniaga kecil dengan memberi fokus kepada pemantapan usahawan mikro dalam perniagaan melalui '*Digitalization*' untuk mempertingkatkan jualan dan penyesuaian kepada norma baru perniagaan.

5. Kementerian juga merancang untuk mengadakan kempen menjalankan perniagaan dengan kaedah norma baru serta menguar-uarkan kemudahan-kemudahan kewangan yang diberikan kepada golongan usahawan mikro ini.

6. Semoga langkah-langkah yang diambil ini dapat membantu dan memberi peluang yang lebih berdaya saing kepada usahawan mikro dan sektor informal ini, khususnya penjaja dan peniaga kecil bangkit semula untuk menjalankan perniagaan mereka yang terjejas akibat penularan Covid-19.

Sekian, terima kasih.